

**KAEDAH HITUNGAN TEMPOH ENAM BULAN DUA LAHZAH MENGIKUT TAQWIM  
HIJRIY UNTUK PENENTUAN STATUS SAH NASAB SERTA BEBERAPA FURU' MASA'IL<sup>1</sup>.**

Ahmad Irfan bin Ikmal Hisham  
Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Pahang  
irfan@ump.edu.my

Institusi kekeluargaan adalah penting di dalam Islam. Ianya dilihat sebagai asas kepada sebuah masyarakat dan negara yang sejahtera. Firman Allah SWT:

وَمِنْ أَيْتَهُ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا  
وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوْدَةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ  
 يَنْفَكِرُونَ

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.

(Al-Rum:21)

Antara matlamat manusia digalakkan untuk hidup berpasangan ialah untuk mendapat keturunan dan zuriat. Di dalam Islam, persoalan zuriat yang baik amat dititikberatkan. Firman Allah:

الْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَالْبِقِيرَاتُ الصَّلَاحَاتُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمْلًا  


<sup>1</sup> Kertas ini bersifat draf laporan kajian yang belum tuntas, dibentang untuk diwacanakan di dalam Muzakarah Falak 2013 anjuran JAKIM bertarikh 27-29 Ogos 2013 di MS Garden Hotel Kuantan.

*Harta benda dan anak pinak itu, ialah perhiasan hidup di dunia; dan amal-amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.*

(Al-Kahfi:46)

Pun demikian, isu anak tak sah taraf di negara kita amat membimbangkan. Berdasarkan laporan rasmi Jabatan Pendaftaran Negara, terdapat 152,182 bayi yang direkodkan kelahirannya tanpa bapa antara tahun 2008 hingga 2010. Secara purata, 141 orang bayi tak sah taraf dilahirkan setiap hari di negara kita dalam tempoh tersebut.

Persoalan implikasi anak tak sah taraf dibincangkan di dalam literatur fiqh Islam. Ianya penting kerana membabitkan pelbagai masalah terbitan yang lain, seperti hak kebaikan anak, isu perwalian, perwarisan, persoalan tuduhan zina atau qazaf dan lain-lain. Fatwa mengenai anak tak sah taraf telah jelas banyak digazetkan di kebanyakan negeri, antaranya menyentuh persoalan anak yang dilahirkan kurang daripada tempoh enam bulan dua lahzah. Kertas ini akan cuba untuk menghuraikan secara ringkas asas perbahasan kepada anak tak sah taraf, selain memfokuskan kepada pengiraan enam bulan dua lahzah serta beberapa masalah terbitan daripadanya.

#### **ETIMOLOGI PERISTILAHAN ANAK TAK SAH TARAF**

Di dalam literatur Arab klasik dan moden, anak-anak yang dilahirkan tanpa ikatan perkahwinan yang sah disebut sebagai walad al-zina (anak yang dilahirkan daripada hubungan zina; anak zina). Istilah ini menjadi perdebatan dalam kalangan ulamak termasuklah di Malaysia.

Sebahagian menolak penggunaan istilah anak zina kerana faktor kegelinciran psikologi anak tersebut apabila mengetahui status itu dewasa kelak. Sebahagian lagi menolak atas faktor implikasi hukum fiqh, iaitu berkemungkinan si ibu itu diqazaf secara literal kerana berzina, sedangkan ianya berlaku di luar keinginannya.

Lalu, berkembanglah istilah kepada anak zina ini di Malaysia, kepada anak luar nikah, anak haram, anak gampang; kesemuanya tidak diterima di dalam literasi moden atas faktor psikologi lalu diperkenalkan istilah anak tak sah taraf.

### **DEFINISI SYARAK DAN UNDANG-UNDANG**

Perbahasan anak tidak sah taraf tertakluk di bawah Undang-undang Keluarga Islam (UUKI) Negeri-negeri di Malaysia. Ianya bertujuan bagi memastikan kesucian dan keabsahan institusi perkahwinan dan kekeluargaan umat Islam di negara kita.

Akta UUKI (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303), disebut di dalam seksyen 2. Tafsiran – ‘tidak sah taraf’ , berhubung dengan seseorang anak, ertinya dilahirkan di luar nikah dan bukan anak dari persetubuhan syubhah.

Menurut Fatwa Mengenai Garis Panduan Anak Tak Sah Taraf Menurut Hukum Syarak di Negeri Selangor yang telah diwartakan pada 28 April 2005, sighah berkaitan anak tak sah taraf menurut hukum syarak adalah:

1. Anak yang dilahirkan tanpa nikah sama ada daripada zina, rogol atau melalui cara saintifik yang bertentangan dengan hukum syarak.
2. Anak yang dilahirkan kurang daripada enam bulan dua lahzah qamariah dari waktu ‘imkan al-dukhul’ dan bukan hasil daripada persetubuhan syubhah.
3. Anak yang dilahirkan lebih daripada enam bulan dua lahzah qamariah dari waktu ‘imkan al-dukhul’ selepas akad yang sah dan ada bukti dari segi syarak bahawa anak tersebut ialah anak tanpa nikah melalui iqrar (pengakuan) mereka yang berkenaan (suami dan isteri tersebut atau salah seorang daripadanya), atau empat orang saksi yang memenuhi hukum syarak<sup>2</sup>.

---

<sup>2</sup> Warta Kerajaan Negeri Selangor No. 9, Jil 58, [Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM. 0007 Jld. 2].

## STATUS ANAK TAK SAH TARAF DI DALAM FIQH

Ulamak bersepakat dalam menyatakan pandangan yang anak yang dilahirkan sebelum pernikahan kedua-dua ibu bapa biologinya adalah anak tak sah taraf. Khilaf berlaku di dalam membincangkan persoalan implikasi terhadap kelahiran anak tak sah taraf, antaranya membabitkan isu nasab. Khilaf ini berpunca daripada perbezaan mereka memahami nas hadith Bukhari dan Muslim yang menyatakan:

**الولد للفراس وللعاهر الحجر**

*Anak itu ialah bagi pemilik katil (tempat melakukan hubungan kelamin bagi pasangan yang sah), sementara seorang penzina tidak punya hak atas anak yang lahir daripada penzinaannya.*

Di Malaysia, hampir keseluruhan negeri menerima pendapat jumhur dalam menyatakan anak yang tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada bapa biologinya, walaupun setelah bapa biologinya itu berkahwin dengan ibunya. Pendapat ini memberikan implikasi daripada sudut penamaan, keturunan anak, pergaulan dalam keluarga, hadanah, nafkah, pusaka, wali, kematian, amal kebajikan, penghakiman hukum qisas dan hudud serta lain-lain lagi.

Pun demikian, sebahagian daripada ulamak fiqh seperti Ibn Qayyim al-Jauziyyah<sup>3</sup> yang membawa pandangan bahawa anak yang lahir di luar nikah boleh dinasabkan dengan bapa biologinya. Ini bagi memastikan hak kepada si bayi itu terpelihara, khasnya hak untuk mempunyai nasab. Tanpa nasab, beberapa hak lain bagi si bayi yang tidak berdosa itu turut ternafi. Pendapat yang sama turut dikongsi oleh Ishaq bin Rahawiyah, Urwah, Sulaiman bin Yasar dan Abu Hanifah. Berkata Abu Hanifah:

**لَا أُرِي بِأَسْأَى إِذَا زَنِى الرَّجُلُ بِالْمَرْأَةِ فَحَمِلَتْ مِنْهُ أَنْ يَتَزَوَّجَهَا وَيَسْتَرِ عَلَيْهَا، وَالْوَلَدُ وَلَدُ لَهُ**

*“Aku berpandangan tidak mengapa bagi seseorang lelaki yang berzina dengan perempuan, kemudian perempuan itu mengandung daripada zina tersebut, untuk*

---

<sup>3</sup> Zad al-Ma'ad fi Hadyi Khairil 'Ibad. Kitab ini adalah kitab sirah tetapi ditulis dengan unik kerana latar kepakaran sunnah yang mempengaruhi pemikiran Ibn Al-Qayyim. Beliau hanya mencatatkan sirah yang absah dan autentik dan meninggalkan riwayat yang tasahul daripada keabsahan. Komentar diberikan berdasarkan kepada dimensi pelbagai termasuklah persoalan fiqh.

*berkahwin dengan perempuan itu dan memeliharanya, dan anaknya itu adalah anaknya.*

#### **STATUS ANAK TAK SAH TARAF DI DALAM PENDAFTARAN BAYI**

Berdasarkan surat bertarikh 1 Oktober 1988 yang dihantar oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri kepada Ketua Pengarah JPN, telah pun disahkan bahawa takrifan anak tak sah taraf bagi Muslim adalah anak yang dilahirkan oleh ibu kandungnya tanpa akad nikah yang sah dalam Islam dan anak yang dilahirkan ibu kandungnya kurang enam bulan melalui bulan qamariah dari tarikh pernikahan ibu kandungnya dengan lelaki pasangannya. Ianya selari dengan fatwa yang telah diwartakan pada 18 Januari 2001.

Di dalam Peruntukan Seksyen 13, Akta 299, disebut:

Walau apa pun yang terkandung dalam peruntukan terdahulu di dalam Akta ini, dalam hal anak tak sah taraf, tiada seorang pun sebagai bapa kepada kanak-kanak itu dikehendaki memberi maklumat berkenaan dengan kelahiran kanak-kanak itu, dan Pendaftar hendaklah tidak mencatatkan ke dalam daftar nama mana-mana orang sebagai bapa kanak-kanak itu kecuali atas permintaan bersama oleh ibu dan orang yang mengaku dirinya sebagai bapa kanak-kanak itu, dan orang itu hendaklah dalam hal sedemikian menandatangani daftar itu bersama dengan ibu itu.

Mengikut prosedur JPN, prosedur pendaftaran kelahiran dan penamaan anak tak sah taraf yang beragama Islam adalah seperti berikut:

1. Anak tak sah taraf Islam didaftarkan dengan maklumat kanak-kanak dan ibu sahaja. Maklumat bapa tidak didaftarkan.
  - Kanak-kanak didaftarkan dengan nama penuh dan di'bin'kan atau di'binti'kan kepada Abdullah atau pilihan nama-nama Asma al-Husna yang lain.
  - Kanak-kanak boleh didaftarkan dengan nama keturunan ibu kandungnya.

2. Walau bagaimanapun, sekiranya ibu dan orang yang mengaku diri sebagai bapa atas permintaan bersama dan kedua-duanya hadir untuk menandatangani daftar di hadapan Pendaftar, maklumat orang yang mengaku diri sebagai bapa boleh didaftarkan sebagaimana peruntukan Seksyen 13 299.

- Pendaftaran anak tak sah taraf di bawah peruntukan Seksyen 13 Akta 299 adalah terpakai bagi pasangan Islam samada berkahwin (perkahwinan tidak cukup 6 bulan atau berkahwin selepas kelahiran anak) atau tidak berkahwin.

- Pendaftaran anak tak sah taraf di bawah peruntukan Seksyen 13 Akta 299 adalah tidak terpakai bagi pasangan di mana salah seorang ibu atau bapa bukan beragama Islam.

- Kanak-kanak didaftarkan dengan nama penuh dan di'bin' atau di'binti'kan kepada Abdullah atau pilihan nama-nama Asma al-Husna yang lain.

- Kanak-kanak boleh didaftarkan dengan nama keturunan orang yang mengaku diri sebagai bapa sekiranya pasangan tersebut berkahwin (perkahwinan tidak cukup 6 bulan) atau nama keturunan ibu kandung sekiranya pasangan tersebut tidak berkahwin atau berkahwin selepas kelahiran anak.

#### **PENGIRAAN ENAM BULAN DUA LAHZAH; SATU PERBAHASAN**

Enam bulan yang dimaksudkan merujuk kepada perkiraan di dalam sistem kalender hijrah. Oleh kerana sifat kalender hijrah yang mempunyai bilangan hari yang tidak tetap, sama ada 29 atau 30 hari, justeru terdapat perbahasan ulamak mengenai bilangan keseluruhan hari yang merujuk kepada 6 bulan tersebut.

Menurut Ibnu Hajar al-Haithami<sup>4</sup> dan Baijuri<sup>5</sup> yang mewakili pandangan Al-Shafi'iyyah, kiraan tersebut hanya mengambil kira 30 hari bagi setiap bulan. Ini bermakna, 6 enam qamariyah itu dihitung sebagai 180 hari<sup>6</sup>. Pendapat ini pandangan jumhur ulamak. Terdapat satu riwayat di dalam mazhab Maliki yang

---

<sup>4</sup> Al-Tuhfah

<sup>5</sup> Syarah Fathul Qorib

<sup>6</sup> Asyjur 'Adadiyyah

menghitungnya sebanyak 175 hari<sup>7</sup>.

Sementara dua lahzah itu pula merujuk kepada:

1. Lahzah al-Firash / lahzah al-dukhul: Tempoh atau waktu berlakunya persetubuhan.
2. Lahzah al-Wiladah: Tempoh atau waktu anak dilahirkan.

Justeru, pengiraan enam bulan itu adalah merujuk antara lahzah al-firash dengan lahzah al-wiladah. Terdapat beberapa masalah terbitan fiqh di sini:

**a. Bilakah tempoh lahzah al-firash itu dikira?**

Di dalam kitab *I'anah al-Tolibin* apabila membincangkan persoalan saksi perkahwinan, Sayyid Bakri Syata menitikberatkan persoalan rekod lengkap tarikh dan detik perkahwinan itu berlaku. Di dalam persoalan lahzah firash, ianya secara tidak langsung menunjukkan yang kepentingan rekod tarikh dah detik perkahwinan itu menunjukkan yang firash yang dimaksudkan adalah **pada saat termetrainya aqad nikah**. Apatah lagi kerana definisi nikah itu sendiri adalah harmoni dengan definisi firash. Selain itu, untuk tujuan ihtiyati, sebahagian ulamak menggunakan istilah imkan al-dukhul apabila merujuk kepada lahzah firash. Imkan al-dukhul bermula pada saat aqad nikah, atau dengan erti kata lain, pasangan yang baru berkahwin dianggap boleh mula untuk berwat'ie bermula daripada saat aqad.

Pun demikian, di dalam budaya beberapa masyarakat Arab, selain daripada merekodkan masa aqad, mereka juga merekodkan saat pertama pasangan yang berkahwin itu melakukan persetubuhan melalui *haflah al-dakhlah*. Sekiranya budaya ini wujud di dalam sesebuah masyarakat, persoalan fiqh yang boleh dibangkitkan ialah **adakah boleh lahzah firash itu bermula daripada saat persetubuhan pertama?** Sebahagian pengkaji membahaskan dengan lebih mendalam, iaitu saat yang berkemungkinan air mani itu sampai dan menembusi dinding ovum isterinya. Mengikut sains perubatan moden, ianya boleh berlaku antara 45 minit sehingga 12 jam selepas ejakulasi. Terdapat beberapa kitab fiqh yang menggunakan istilah lahzah

---

<sup>7</sup> Asyur Hilaliyyah – 5 bulan 29 hari, 1 bulan 30 hari.

al-'uluq, iaitu masa di mana persenyawaan itu berlaku.

**b. Bilakah lahzah wiladah itu bermula?**

Pendapat yang masyhur menyatakan lahzah wiladah itu bermula pada saat bayi itu keluar daripada perut ibunya. Ini juga sejajar dengan perubatan moden dan juga rekod pendaftaran bayi, yang hanya mengambil kira saat tersebut. Pun demikian, mungkin ada yang akan membangkitkan kemungkinan lahzah wiladah itu bermula daripada saat pertama ibu berasa sakit. Pendapat ini agak lemah kerana setiap ibu yang mengandung akan mempunyai rasa dan tempoh sakit yang berbeza dengan ibu yang lain. Dan sakit pertama sebelum bersalin itu juga subjektif.

**c. Wiladah bukan secara normal.**

Enam bulan dua lahzah pada kebiasaannya merujuk kepada kelahiran normal. Akan tetapi, terdapat juga kes perubatan moden yang menunjukkan bahawa bayi yang lahir kurang daripada 6 bulan masih boleh hidup dan diselamatkan. Kemungkinan kelahiran ini mempunyai sebab yang pelbagai, seperti jangkitan penyakit yang dialami oleh ibu serta faktor yang lain. Menurut Dr Murad<sup>8</sup>, bayi yang lahir dengan berat sekitar 700 gram boleh hidup. Bayi 700 gram itu, dengan faktor deviasi yang pelbagai, mungkin berusia kurang daripada enam bulan<sup>9</sup>. Sekiranya berlaku kes sebegini, adakah ianya dianggap sebagai anak tak sah taraf? Atau adakah perlu dibuat kajian lanjutan berdasarkan anggaran berat fetus atau bayi sebagai sokongan bagi tempoh enam bulan dua lahzah<sup>10</sup>?

**d. Pengiraan umur janin di dalam kandungan daripada sudut perubatan moden.**

Teks fiqh jelas menyebut mengenai tempoh yang menjadi hitungan ialah tempoh mengandung seorang ibu. Di luar daripada teks fiqh ini, terhadap kaedah lain untuk membuat hitungan, iaitu pengiraan umur janin di dalam perut ibu. Memahami kaedah pengiraan perubatan moden mungkin akan menimbulkan isu lain di dalam

---

<sup>8</sup> Bekas Profesor Madya Kuliyah of Medicine IIUM. Seorang pakar kesuburan. Sekarang menjadi konsultan kesuburan di hospital swasta.

<sup>9</sup> Pada usia enam bulan, semua organ telah terbentuk, kecuali paru-paru yang akan terbentuk pada 7 bulan. Bayi yang lahir pada bulan keenam akan dirawat di dalam incubator.

<sup>10</sup> Rujuk Lampiran 1 – jadual anggaran berat fetus atau bayi.

pengiraan dan penentuan status anak tak sah taraf.

Di dalam perubatan moden, umur janin dikira bukan bermula daripada persenyawaan. Akan tetapi, tiada kaedah yang tepat untuk menentukan masa yang tepat berlakunya persenyawaan. Ini kerana persenyawaan boleh berlaku antara 45 minit hingga 12 jam selepas ejakulasi. Sebahagian jurnal mencadangkan lebih daripada 12 jam. Justeru, kaedah perubatan moden mengukur janin bermula daripada bilakah kitaran haid terakhir<sup>11</sup>, atau lebih dikenali sebagai Last Menstrual Period (LMP). Contoh senario:

Tarikh	Keterangan
1 Ogos	Gadis A datang bulan, keluar darah haid pertama
7 Ogos	Darah haid berhenti
9-15 Ogos	Waktu subur bagi gadis A
15 Ogos	A melangsungkan perkahwinan. Malamnya, melakukan persetubuhan dan berlaku persenyawaan.
1 September	Kebiasaannya A sudah datang bulan. Tetapi kali ini tidak.
7 September	Membuat pemeriksaan kehamilan sendiri. Positif.

Berdasarkan senario di atas, sekiranya A bertemu pengamal perubatan moden pada 15 September, umur janin ialah ialah 6 minggu, walaupun pasangan ini baru berkahwin selama 4 minggu<sup>12</sup>.

Berdasarkan kaedah pengiraan ini, sekiranya satu pasangan berzina seminggu sebelum perkahwinan, kemudian atas sebab kesihatan si ibu terpaksa melahirkan anak pada hari yang ke 170 kehamilannya. Di dalam rekod perubatan, hospital mungkin akan mencatatkan usia janin berdasarkan LMP, iaitu mungkin 184 hari, lalu menyebabkan **anak itu secara status pendaftarannya menjadi anak sah taraf**. Isu ini perlukan kajian lanjutan.

<sup>11</sup> Kaedah ini tepat bagi ibu yang mempunyai kitaran haid yang normal, serta perlu disemak ketepatannya pada bulan ketiga kehamilan.

<sup>12</sup> Pengiraan ini lebih bertujuan untuk membuat anggaran tarikh kelahiran sahaja, bukan umur janin sebenar.

**e. Kaedah pengiraan, 180 hari atau 175 hari.**

Seperti yang telah diterangkan sebelum ini, terdapat dua pendapat yang masyhur dalam memberikan penjelasan 180 hari atau 175 hari apabila merujuk kepada enam bulan qamariyah. Di Malaysia, kita berpegang kepada pendapat jumhur. Bagi tujuan pentadbiran dan wehdatul hukmi, penulis berpendapat tempoh kiraan yang sepatutnya ialah 180 hari. Akan tetapi sekiranya ingin meringankan serta memberikan rahmat kepada anak tersebut dalam keadaan masih ingin berpegang kepada pendapat mashyur ternafinya nasab, maka bolehlah pihak berkuasa mempertimbangkan pendapat 175 hari tersebut. Ihtiyat untuk menghitbatkan nasab bagi menjamin hak dankebajikan anak yang tidak berdosa, dilihat sebahagian ulamak lebih utama daripada ihtiyat untuk menafikan nasab.

**PENGENALAN PENGIRAAN KALENDER HIJRAH**

Kalender hijrah turut dikenali sebagai kalender lunar atau bulan. Kalender berasaskan bulan yang paling tua direkodkan telah ditemui di Crathes Castle di Scotland. Kalender hijrah diperkenalkan oleh Umar Al-Khattab semasa zaman pemerintahannya sebagai permulaan hitung taqwim lunar dengan merujuk kepada tahun di mana berlaku peristiwa Hijrah Nabi Muhammad dari kota Makkah ke Madinah.

Kalender hijrah adalah berasaskan jadual putaran bulan ke atas bumi berasaskan pusingan synodic dengan mengambil kira tempoh antara satu bulan baru dengan bulan baru yang lainnya<sup>13</sup>. Ianya mempunyai 12 bulan dalam setahun, dengan dimulai oleh Muharram dan diakhiri dengan bulan Zulhijjah. Berbeza dengan kalender suria yang mempunyai bilangan hari dalam setiap bulan secara tetap, kalender lunar mempunyai bilangan hari dalam sebulan yang berbeza setiap bulan, sama ada 29 atau 30 hari, bergantung kepada kenampakan anak bulan. Pengiraan paling tepat untuk menghitung bilangan hari dalam sebulan di dalam kalender lunar

---

<sup>13</sup> Satu lagi jenis pergerakan bulan ialah sidereal, iaitu putaran 360 bulan mengelilingi bumi. Ianya mengambil masa 27.321 hari dalam sebulan. Di dalam perbahasan falak, terdapat beberapa peristilahan teknikal jenis taqwim hijrah yang lain, seperti taqwim istilahi, taqwim hakiki, taqwim wujud al-hilal dan taqwim imkan al-rukyah.

ialah 29.53059 hari. Ini bermakna di dalam setahun kalender lunar, terdapat 354.36708 hari, iaitu kurang sekitar 11 hari berbanding kalender solar.

Selain itu, antara perbezaan yang signifikan antara kalender lunar dengan solar ialah kalender lunar bermula pada waktu Maghrib, tidak seperti kalender solar yang bermula pada tengah malam. Ini amat penting bagi tujuan pengiraan enam bulan bagi anak tak sah taraf.

## **KESIMPULAN**

Ironinya, pengiraan tempoh enam bulan ini amat penting bagi memastikan hak nasab itu terpelihara serta selari dengan tuntutan syara'. Atas keperluan untuk selari dengan fatwa sedia ada, penulis cenderung berpandangan bahawa tempoh yang dihitung itu adalah merujuk daripada saat aqad nikah kerana faktor imkan al-dukhul, sehingga saat lahirnya anak, dengan mengambil kira 180 hari mengikut pendapat jumhur. Penulis juga ingin mengesyorkan beberapa kajian lanjutan:

1. Pembangunan kalkulator (prototaip) bagi tujuan pengiraan tepat.
2. Pembangunan SOP pendaftaran yang mengambil kira waktu dan tarikh kelahiran di dalam taqwim hijri di hospital dan pejabat pendaftaran.
3. Pembangunan SOP baru bagi pendaftaran perkahwinan.
4. Hak-hak lain bagi si bayi setelah dinafikan nasab kepada bapa biologi penzina, terjamin menerusi saluran undang-undang, seperti wasiat wajib dan lain-lain.

## Lampiran 1

Gestational age	Length (US)	Weight (US)	Length (cm)	Mass (g)
<b>(crown to rump)</b>			<b>(crown to rump)</b>	
<b>8 weeks</b>	0.63 inch	0.04 ounce	1.6 cm	1 gram
<b>9 weeks</b>	0.90 inch	0.07 ounce	2.3 cm	2 grams
<b>10 weeks</b>	1.22 inch	0.14 ounce	3.1 cm	4 grams
<b>11 weeks</b>	1.61 inch	0.25 ounce	4.1 cm	7 grams
<b>12 weeks</b>	2.13 inches	0.49 ounce	5.4 cm	14 grams
<b>13 weeks</b>	2.91 inches	0.81 ounce	7.4 cm	23 grams
<b>14 weeks</b>	3.42 inches	1.52 ounce	8.7 cm	43 grams
<b>15 weeks</b>	3.98 inches	2.47 ounces	10.1 cm	70 grams
<b>16 weeks</b>	4.57 inches	3.53 ounces	11.6 cm	100 grams
<b>17 weeks</b>	5.12 inches	4.94 ounces	13 cm	140 grams
<b>18 weeks</b>	5.59 inches	6.70 ounces	14.2 cm	190 grams
<b>19 weeks</b>	6.02 inches	8.47 ounces	15.3 cm	240 grams
<b>20 weeks</b>	6.46 inches	10.58 ounces	16.4 cm	300 grams
<b>(crown to heel)</b>			<b>(crown to heel)</b>	
<b>20 weeks</b>	10.08 inches	10.58 ounces	25.6 cm	300 grams
<b>21 weeks</b>	10.51 inches	12.70 ounces	26.7 cm	360 grams
<b>22 weeks</b>	10.94 inches	15.17 ounces	27.8 cm	430 grams
<b>23 weeks</b>	11.38 inches	1.10 pound	28.9 cm	501 grams
<b>24 weeks</b>	11.81 inches	1.32 pound	30 cm	600 grams
<b>25 weeks</b>	13.62 inches	1.46 pound	34.6 cm	660 grams
<b>26 weeks</b>	14.02 inches	1.68 pound	35.6 cm	760 grams
<b>27 weeks</b>	14.41 inches	1.93 pound	36.6 cm	875 grams
<b>28 weeks</b>	14.80 inches	2.22 pounds	37.6 cm	1005 grams
<b>29 weeks</b>	15.2 inches	2.54 pounds	38.6 cm	1153 grams
<b>30 weeks</b>	15.71 inches	2.91 pounds	39.9 cm	1319 grams
<b>31 weeks</b>	16.18 inches	3.31 pounds	41.1 cm	1502 grams
<b>32 weeks</b>	16.69 inches	3.75 pounds	42.4 cm	1702 grams
<b>33 weeks</b>	17.20 inches	4.23 pounds	43.7 cm	1918 grams
<b>34 weeks</b>	17.72 inches	4.73 pounds	45 cm	2146 grams
<b>35 weeks</b>	18.19 inches	5.25 pounds	46.2 cm	2383 grams
<b>36 weeks</b>	18.66 inches	5.78 pounds	47.4 cm	2622 grams
<b>37 weeks</b>	19.13 inches	6.30 pounds	48.6 cm	2859 grams
<b>38 weeks</b>	19.61 inches	6.80 pounds	49.8 cm	3083 grams
<b>39 weeks</b>	19.96 inches	7.25 pounds	50.7 cm	3288 grams
<b>40 weeks</b>	20.16 inches	7.63 pounds	51.2 cm	3462 grams
<b>41 weeks</b>	20.35 inches	7.93 pounds	51.7 cm	3597 grams
<b>42 weeks</b>	20.28 inches	8.12 pounds	51.5 cm	3685 grams